

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

SOALAN NO. 286

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan strategi bagi menarik golongan muda menyertai industri perikanan negara dan perancangan untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap ikan import pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan agropreneur muda dalam sektor agromakanan merupakan fokus utama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk meremajakan sektor ini sebagai bidang kerjaya pilihan. Bagi menarik golongan muda menyertai industri perikanan, strategi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Program Agropreneur Muda (PAM) khusus bagi golongan muda yang berumur 18 hingga 40 tahun. Inisiatif ini mensasarkan peningkatan pendapatan agropreneur muda dengan bantuan geran dalam bentuk *in-kind* berjumlah sehingga RM20 ribu, bantuan khidmat nasihat teknikal, rundingan serta latihan. Bantuan ini terdiri daripada 2 kategori iaitu projek permulaan seperti perolehan bot bagi nelayan pantai dan projek pengembangan seperti enjin bot dan peralatan penangkapan ikan. Sejak tahun 2014 sehingga 2018, seramai 471 orang usahawan dan nelayan telah berjaya dibangunkan dalam industri perikanan dengan peruntukan sebanyak RM15.3 juta.

- b) Mempergiatkan projek-projek ekonomi seperti agro-pelancongan, perikanan rekreasi dan akuakultur kepada Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) dalam membantu mempelbagaikan sumber pendapatan. Sebagai contoh, KUBENA Besut yang melibatkan 21 orang belia telah berjaya mengusahakan ternakan dan asuhan benih ikan kerapu *hidbrid* yang memberi pulangan sebanyak RM7,000 bagi setiap pusingan (3 bulan setiap pusingan).
- c) Penubuhan Akademi Perikanan Malaysia di Chendering, Terengganu dan Kolej Perikanan Sultan Nazrin Shah Muizzuddin Shah di Lumut, Perak dalam melatih dan melahirkan tenaga kerja yang mahir dalam industri perikanan. Sehingga kini, dianggarkan secara purata terdapat seramai 600 orang setahun telah mengikuti kursus-kursus jangka pendek dalam pelbagai bidang perikanan.
2. Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada import ikan, Kementerian telah menetapkan strategi untuk meningkatkan pengeluaran subsektor perikanan sebanyak 1.474 juta tan metrik bagi perikanan tangkapan marin dan sebanyak 430 ribu tan metrik bagi akuakultur menjelang 2020. Bagi mencapai sasaran ini, beberapa program telah dirangka seperti pengurusan sumber ikan tangkapan yang mapan, pencegahan pencerobohan vesel asing melalui aktiviti *Monitoring, Controlling dan Surveillance* (MCS) serta penguatkuasaan, pemodenan vesel penangkapan ikan, penambahbaikan infrastruktur pendaratan ikan di 47 buah kompleks perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan pengukuhan pembangunan modal insan.
3. Selain itu, Kementerian juga melaksanakan sekatan eksport spesies ikan terpilih selama dua bulan bagi menampung kekurangan bekalan ikan di pasaran tempatan terutama pada musim tengkujuh dan perayaan. Sekatan ini membabitkan ikan segar dan sejuk beku iaitu kembung, selar, pelaling, bawal dan udang tangkapan. Sekian, terima kasih.